



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS  
ANUGERAH KHAS KESELAMATAN  
PERLINDUNGAN TAHUN 2014**

**4 JANUARI 2016 (ISNIN)**

**DEWAN TAKLIMAT, ARAS 1 TIMUR  
BANGUNAN PERDANA PUTRA, JPM**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan  
Perdana Menteri;

YBhg. Dato' Nadzri bin Siron  
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan  
Jabatan Perdana Menteri;

YBhg. Dato' Aloyah binti Mamat  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Jabatan  
Perdana Menteri;

Yang Berbahagia Ketua - ketua Setiausaha  
Kementerian;

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan; dan  
Yang dihormati dan diraikan Penerima-Penerima  
Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun  
2014.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu izinkan saya memanjat rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2014, Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan bagi tahun 2014 ini. Saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri di atas usaha menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan bagi tahun 2014 dengan kehadiran Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan.

2. Saya difahamkan bahawa Program Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ini diadakan dua (2) tahun sekali bagi setiap kategori. Ia telah mula diperkenalkan pada tahun 2013 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. Majlis penyampaian Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ini juga merupakan inisiatif nilai tambah (*added value*) daripada inspektorat yang dilaksanakan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan menilai dan mengukur

prestasi penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan pada tahap yang cemerlang. Majlis penyampaian sijil ini merupakan satu program pengiktirafan ke atas Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang mengamalkan tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik. Usaha serampang dua mata ini, disamping menggalakkan pembudayaan persekitaran sistem pengurusan keselamatan perlindungan yang kondusif, ia juga secara tidak langsung merupakan program berimpak tinggi dalam usaha untuk menentukan pengurusan pentadbiran Kerajaan selamat dan berintegriti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Asas penilaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan adalah berdasarkan empat (4) komponen iaitu Komitment Pengurusan, Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen dan Keselamatan Peribadi. Asas pemarkahan pula terbahagi kepada kategori Cemerlang iaitu 5 Bintang, Baik dengan 4 Bintang dan Memuaskan dengan 3 Bintang.

4. Melalui program Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan bagi tahun 2014, sebanyak **197 Agensi Kerajaan** telah terpilih bagi menyertai Program Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2014. Agensi yang terlibat adalah terdiri daripada **31 Jabatan Persekutuan, 20 Badan Berkanun Persekutuan, 99 Jabatan**

**Persekutuan Peringkat Negeri dan 47 Jabatan Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah Agensi Kerajaan telah diperakukan berstatus **CEMERLANG (LIMA BINTANG).**

5. Hari ini kita berkesempatan meraikan kejayaan 10 buah agensi yang telah berjaya diperakukan mendapat status **CEMERLANG (LIMA BINTANG).** Tahniah saya ucapkan. Semoga anugerah dan penghargaan ini menjadi pemangkin dan pendorong dalam usaha mengekalkan rentak kesinambungan kecemerlangan dalam pembudayaan persekitaran sistem pengurusan keselamatan perlindungan yang terbaik. Saya yakin kita akan terus meraikan kecemerlangan agensi-agensi kerajaan yang komited terhadap melakari dan menyelusuri kecemerlangan perkhidmatan demi kejayaan organisasi, bangsa dan negara.

6. Untuk tahun 2016, perancangan bagi Program Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ini akan meneruskan kelangsungannya melalui Inspektorat Khas ke atas semua Agensi Kerajaan peringkat Persekutuan dan Negeri di seluruh negara. Program ini juga telah dimasukkan sebagai salah satu daripada Inisiatif Transformasi Tahun 2016, Jabatan Perdana Menteri bagi **Teras Strategik 3: Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan/ Meningkatkan Kecekapan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Langkah Strategik**

**4: Memperkukuhkan Penilaian Kualiti Perkhidmatan.** Program ini akan bermula pada awal suku pertama tahun 2016 dan akan berakhir pada awal suku kedua tahun 2017.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Program seumpama ini diharapkan akan memberi impak yang besar kepada semua organisasi dan jabatan bahawa bertapa pentingnya kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada semua penjawat awam bagi mempertingkatkan tahap keselamatan perlindungan di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan yang seterusnya diharapkan dapat menjaga Kerahsiaan dan aset Kerajaan supaya senantiasa berada dalam keadaan selamat. Sesungguhnya keselamatan perlindungan memerlukan rangkaian sistem yang baik, jalinan kerjasama daripada semua penjawat awam untuk sentiasa peka serta komited memberikan keutamaan bagi mengekalkan tahap keselamatan yang tinggi di setiap agensi kerajaan.

8. Saya berharap pegawai-pegawai awam terus memberi komitmen terhadap keselamatan perlindungan secara jitu. Tahap kesedaran dan pemahaman terhadap kepentingan keselamatan perlindungan sepatutnya menjadikan keselamatan perlindungan sebagai satu amalan dalam menjalankan tugas-tugas seharian. Pematuhan secara menyeluruh dan komprehensif tentunya akan dapat memberi impak positif terhadap keselamatan, imej pentadbiran dan penyampaian

perkhidmatan kerajaan serta meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan rakyat bertepatan dengan gagasan kerajaan iaitu "Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan."

9. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2014. Saya berharap agar semua agensi yang diraikan hari ini mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini "Merasmikan Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2014".

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah,  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.